

22 JUN 2000

ICFM-Perubahan/I

PERUBAHAN STRUKTUR DALAM OIC PERLU UNTUK HADAPI ALAF BARU

Oleh: E.Sivabalan

KUALA LUMPUR, 22 Jun (Bernama) -- Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), yang kedua terbesar selepas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, perlu melakukan perubahan struktur bagi menjadikannya lebih relevan, kata timbalan ketua setiausaha (I) Kementerian Luar, Datuk Ahmad Fuzi Haji Abdul Razak.

Sebagai tuan rumah Persidangan Menteri-menteri Luar Negara Islam (ICFM) ke-27 di sini bermula 27 Jun ini, Malaysia akan menekankan kepada negara-negara anggota OIC mengenai pentingnya mengadakan perubahan, katanya.

"OIC mungkin harus mengkaji semula pendekatannya dalam menangani isu-isu besar yang melibatkan keprihatinan bersama," kata Ahmad Fuzi dalam satu temubual dengan Bernama di sini, baru-baru ini.

Kira-kira 1,000 perwakilan dari negara-negara anggota OIC akan menghadiri ICFM selama empat hari itu, mesyuarat yang kedua diadakan di Malaysia. Kali pertama Kuala Lumpur menjadi tuan rumah ialah pada 1974.

Ahmad Fuzi, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras bagi ICFM ke-27, berkata: "Terdapat kesedaran umum mengenai keperluan untuk melakukan sesuatu. Semua orang memperkatakan tentangnya tetapi kesukarannya ialah untuk mencapai satu persetujuan di kalangan negara-negara anggota."

Sebagai contoh, katanya sesi pleno ICFM memberi terlalu banyak masa kepada kenyataan dan perbincangan mengenai resolusi untuk diterima pakai pada akhir sesi itu.

"Terdapat sedikit ruang bagi para menteri luar sendiri untuk terlibat dalam perbincangan yang lebih mendalam," katanya.

Ahmad Fuzi berkata beliau menjangkakan beberapa isu politik seperti Chechnya akan dibangkitkan oleh sesetengah negara anggota berikutan kejadian pembunuhan para pejuang Islam oleh tentera Rusia.

Isu ini, katanya perlu ditangani dengan penuh waspada kerana terdapat elemen pencabulan prinsip campur tangan negara lain.

"Chechnya masih lagi sebahagian daripada Rusia," katanya.

"Kami berpegang teguh kepada prinsip ini (tidak campur tangan). Tetapi masalah kemanusiaan yang dihadapi di Chechnya juga harus menjadi keprihatinan semua negara anggota OIC," katanya.

Ahmad Fuzi menegaskan bahawa perkara penting bagi negara-negara Islam ialah untuk bersatu dalam menghadapi perubahan, termasuk globalisasi yang kini semakin berleluasa di dunia walaupun terdapat tanda-tanda ketidaktentuan di kalangan negara-negara membangun.

Beliau berkata di tengah-tengah era globalisasi, OIC perlu menekankan mengenai kepentingan "perpaduan ummah".

Menurutnya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri membangkitkan isu tidak bersatu di kalangan negara-negara Islam pada beberapa mesyuarat OIC.

Ketika ditanya mengapa banyak projek OIC tidak dilaksanakan, beliau berkata: "Saya tidak fikir ia adalah kerana kekurangan idea."

"Adalah penting bahawa apa juga yang telah dicadangkan oleh negara-negara anggota perlu disokong dengan kewangan. Adalah tidak mungkin bagi OIC untuk membiayai sendiri semua programnya," katanya.

Beliau juga berkata banyak negara anggota OIC tidak memberi sumbangan tahunan mereka kepada pertubuhan itu yang menyebabkan OIC sukar melaksanakan program-programnya.

Ahmad Fuzi berkata masa depan OIC bergantung kepada komitmen dan keazaman politik negara-negara anggotanya serta keupayaan untuk melaksanakan misinya.

Menurutnya OIC masih lagi dianggap penting dan banyak negara termasuk sesetengahnya yang bukan negara Islam sepenuhnya, telah menjadi anggota

atau menunjukkan minat untuk menjadi pemerhati atau jemputan.

"Bagi negara-negara kecil, adalah lebih baik untuk berada dalam OIC memandangkan mereka boleh mengambil peluang menggunakan pertubuhan itu untuk menyatakan pendapat mereka dan membawa isu-isu itu yang secara langsung memberi kesan kepada kepentingan nasional mereka kepada perhatian antarabangsa.

"Dan bagi Malaysia, adalah lebih baik untuk menjadi anggota dalam sebanyak mungkin organisasi antarabangsa," katanya.

--BERNAMA

ES NAK